

Bantah Pembinaan Empangan Kelau

um 3/2

KUALA LUMPUR 2 Feb. – Pembinaan Empangan Kelau di kawasan hutan simpan Lakum, Pahang bagi tujuan pembekalan air mentah dari negeri itu ke Lembah Klang boleh memusnahkan alam sekitar dan mengganggu kehidupan penduduk sekitarnya.

Pengerusi Badan Bertindak Pemuliharaan Hutan Simpan Lakum, Zubir Harun berkata, ini kerana projek itu bakal menenggelamkan kawasan seluas 2,315 hektar yang menjadi tempat tinggal 326 keluarga Orang Asli dan peneroka Felda dan juga kawasan hutan simpan.

Katanya, pembinaan empangan itu bukan sahaja akan menenggelamkan 16 peratus hutan simpan Lakum atau 1,057 hektar hutan, malahan

kawasan penempatan di Mentakab dan Temerloh mungkin berdepan dengan banjir pada musim tengkujuh.

Katanya, keadaan itu boleh berlaku apabila empangan yang dibina itu gagal menampung air hujan yang banyak dan air terpaksa dilepaskan.

“Mentakab dan Temerloh mungkin banjir apabila air dari empangan dilepaskan. Tragedi sama telah berlaku di Perlis dua tahun lalu dan Batu Pahat baru-baru ini apabila air empangan yang dilepaskan menyebabkan banjir di kawasan itu,” katanya kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum bantahan pembinaan Empangan Kelau kepada pegawai ekonomi Kedutaan Jepun di sini hari ini.

Utusan Malaysia difahamkan projek mega itu akan di-

jalankan oleh kerajaan sebagai persediaan untuk menghadapi kemarau yang dijangka melanda Lembah Klang pada tahun 2010.

Projek tersebut akan dibiayai oleh kerajaan Jepun dan kepakaran dari negara itu juga akan digunakan untuk melaksanakan projek itu.

Sebelum ini, Zubir telah menyerahkan memorandum bantahan di pejabat Perdana Menteri dan akan menyerahkan satu lagi memorandum bantahan kepada Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Sementara itu, Zubir memberitahu, projek bekalan air itu juga akan melibatkan pembinaan satu terowong sepanjang 45 kilometer yang akan ‘memotong’ tulang belakang Semenanjung Malaysia

atau Banjaran Titiwangsa.

“Saya minta kerajaan membatalkan seluruh rancangan ini kerana ia memusnahkan khazanah alam yang tidak ternilai harganya.

“Hutan Simpan Lakum merekodkan 88 jenis tumbuhan yang menjadi makanan haiwan serta mempunyai nilai perubatan,” jelasnya.

Tambahnya, pelaksanaan projek itu juga menjejaskan ekonomi negara kerana kawasan tersebut turut menempatkan kawasan Felda iaitu Felda Kelau (123 hektar) dan Estet Felda Krau (1,097 hektar).

Beliau mencadangkan kerajaan menggunakan air sungai di Pahang untuk membekalkan air ke Lembah Klang sebagai alternatif kepada cadangan pembinaan empangan.